


1. Apakah tujuan kerajaan membuat pilihan
 - A Memaksimumkan kebajikan masyarakat.
 - B Memaksimumkan kebajikan tenaga buruh.
 - C Mengatasi kekurangan sumber modal.
 - D Meningkatkan keupayaan pengeluaran.

2. Pasangan yang manakah **betul** tentang sumber ekonomi?

	Sumber Ekonomi	Keterangan
A	Tanah	Penawaran yang bersifat tetap dari aspek lokasi dan geografi.
B	Modal	Pemilik menerima pulangan atas kesanggupan menanggung risiko.
C	Buruh	Menggabung sejumlah input untuk menghasilkan output.
D	Usahawan	Membekalkan faktor pengeluaran dalam proses pengeluaran.

3. Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran bagi **barang R** dan **barang S**.



Pilih pasangan yang **betul** berkaitan rajah di atas.

	Titik	Keterangan
A	X	Memilih untuk mengeluarkan 15 unit barang R , maka 4 unit barang S terpaksa dilepaskan.
B	Y	Kombinasi 10 unit barang R dan 4 unit barang S berlaku pembaziran sumber.
C	X ke Z	Pertambahan keluaran seunit barang S menyebabkan kos lepas 15 unit barang R
D	Y ke Z	Akibat kekurangan buruh maka barang S bertambah sebanyak 1 unit dan barang R kekal 10 unit

4 Pasangan manakah yang **betul** tentang ciri sistem ekonomi tersebut?

	Sistem Ekonomi Kapitalis	Sistem Ekonomi Sosialis
A	Harga pasaran ditentukan melalui persetujuan pengeluar	Harga pasaran ditentukan oleh persetujuan pemerintah
B	Output dikeluarkan melalui penggunaan kos yang minimum	Output dikeluarkan bermatlamatkan kebajikan maksimum
C	Input pengeluaran dimiliki oleh pihak swasta	Input pengeluaran penting dimiliki oleh pihak kerajaan dan pihak swasta
D	Persaingan bebas pengguna dalam pemilikan barangan ekonomi	Persaingan bebas pengguna dalam pemilikan barang awam





5 Pernyataan yang manakah betul tentang ekonomi Islam?

- A Persaingan adil antara firma dalam menghasilkan output
- B Keuntungan maksimum adalah motif pengeluaran barangan
- C Sumber kekayaan bebas dimiliki oleh setiap anggota masyarakat
- D Wujud keseimbangan antara kepentingan individu dengan awam.


6 Pernyataan yang manakah betul berkaitan perubahan dalam kuantiti diminta?

- A Berlakunya pertambahan atau pengurangan permintaan
- B Ditunjukkan oleh peralihan keluk ke kanan atau ke kiri
- C Berpunca daripada pemilikan pendapatan individu
- D Disebabkan oleh faktor penentu harga barang itu

- 7 Pilih keterangan yang **betul** berkaitan dengan peralihan keluk permintaan.

	Rajah	Keterangan
A		Berlaku pengembangan permintaan oleh pengguna
B		Peningkatan harga barang penggenap dalam pasaran
C		Harga barang tersebut dijangka jatuh pada masa depan
D		Dikenali sebagai perubahan dalam kuantiti diminta


- 8 Rajah 2 menunjukkan peralihan keluk penawaran suatu barang.



Rajah 2

Apakah faktor yang menyebabkan peralihan tersebut?

- A Harga dijangka naik pada masa hadapan
 - B Pertambahan belanja pemilikan input
 - C Subsidi oleh pemerintah meningkat
 - D Barang pengganti lebih mahal
- 9 Rajah 3 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran bagi suatu barang.




Rajah 3

Pasangan yang manakah betul tentang rajah di atas?

A	RM4	Keputusan pengeluar tentukan kuantiti keseimbangan 14 unit
B	RM6	Wujud lebih permintaan dalam pasaran sebanyak 6 unit
C	D0 ke D1	Harga barang itu menyebabkan kuantiti meningkat 12 ke 18 unit
D	E0 ke E1	Pengembangan penawaran ditunjukkan oleh perubahan 14 ke 18 unit


- 10 Rajah 4 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran bagi barang G.



Rajah 4

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah tersebut?

- A Pada tingkat harga RM20 wujud lebih permintaan sebanyak 160 unit
 - B Pada tingkat harga RM30 firma menentukan kuantiti keseimbangan iaitu 120 unit
 - C Perubahan harga dari RM30 kepada RM20 berlaku pertambahan permintaan sebanyak 40 unit
 - D Perubahan harga dari RM20 kepada RM30 mengakibatkan berlaku pengembangan penawaran sebanyak 20 unit
- 11 Rajah 5 menunjukkan peratus perubahan harga dan kuantiti bagi barang X.



Rajah 5

Pernyataan yang manakah betul tentang barang tersebut?

- A Merupakan produk makanan
- B Kegunaan yang pelbagai dalam ekonomi
- C Pengguna kurang responsif terhadap perubahan harga
- D Tindakan naikkan harga untuk tingkatan jumlah hasil jualan

- 12 Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta terhadap dapur elektrik.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
400	1000
350	1200

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut jika harga jatuh daripada RM400 kepada RM350?

- A 0.63
B 0.75
C 1.33
D 1.60
- 13 Penawaran kuih raya bertambah daripada 160 unit kepada 260 unit apabila harga kuih raya meningkat daripada RM1.50 kepada RM2.00.
Berapakah nilai keanjalan harga penawaran untuk kuih raya tersebut?
A 0.53
B 0.87
C 1.54
D 1.88
- 14 Situasi manakah yang menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai?
A Encik Adam membayar RM5 000 sebagai deposit untuk kereta baharu.
B Encik Nabil membayar RM250 setiap bulan untuk motosikalnya selama dua tahun
C Encik Irfan mengunjungi lebih daripada 10 gerai komputer untuk membandingkan harga komputer sebelum membeli
D Puan Balqis membeli barang kemas pada harga diskaun 70% sempena jualan penghabisan stok oleh Intan Jewel Sdn.Bhd
- 15 Antara yang berikut, yang manakah betul tentang fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan
I Mengurus pertukaran wang asing
II Memberi pendahuluan sementara
III Mengawal nisbah rizab berkanun
IV Menjadi sumber pinjaman terakhir
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



- 16 Maklumat berikut menunjukkan perkhidmatan deposit bank perdagangan.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Penyata akaun bank dihantar setiap bulan• Dikenakan caj perkhidmatan bank |
|--|

Pernyataan yang manakah betul tentang perkhidmatan tersebut?

- A Simpanan mempunyai tempoh matang tertentu
 - B Faedah dibayar mengikut tempoh simpanan
 - C Menikmati kemudahan pinjaman overdraf
 - D Pelanggan diberikan buku akaun
- 17 Contoh pekerjaan yang manakah tergolong dalam sektor kedua
- A Pemborong ubi keledek
 - B Pengurus kilang kerepek
 - C Pegawai pemasaran kerepek
 - D Penyelia tapak lading ubi keledek

- 18 Jadual 5 menunjukkan pendapatan dan pembayaran Encik Imran dalam setahun

Butiran	Jumlah(RM)
Pendapatan	35 800
Caruman KWSP	3 850
Cukai pendapatan	380
Bayaran zakat	360
Premium insuran hayat	1 200

Jadual 5

Berapakah pendapatan boleh guna Encik Imran pata tahun tersebut?

- A RM31 570
 - B RM31 210
 - C RM30 370
 - D RM30 010
- 19 Manakah merupakan fitur yang mempengaruhi pembelian secara kredit?
- A Tingkat harga barang yang ditentukan oleh peniaga
 - B Tempoh masa pembiayaan kewangan oleh bank
 - C Baki jumlah bayaran yang perlu dijelaskan
 - D Beban kewangan tanggungan pengguna

- 20 Gambar 1 merupakan contoh input yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah betul tentang input tersebut?

- A Berubah mengikut perubahan keluaran
 - B Wujud walaupun operasi belum bermula
 - C Kos tetap adalah bayaran atas penggunaan
 - D Sukar ditambah dalam jangka masa pendek
- 21 Jadual 6 menunjukkan output dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Output (unit)	Jumlah Kos (RM)
10	630
15	680
20	740

Jadual 6

Berapakah kos marginal bagi keluaran ke-15?

- A RM10.00
 - B RM12.00
 - C RM45.33
 - D RM52.40
- 22 Apakah kesan pelaksanaan cukai oleh kerajaan dalam mengawal selia pengeluaran?
- A Menggalakkan pengeluaran barang tertentu mengikut cadangan kerajaan
 - B Meningkatkan beban pengeluaran barang yang membahayakan kesihatan
 - C Menetapkan secara khusus kawasan perindustrian di lokasi tertentu
 - D Mencegah aktiviti pengeluaran yang mencemarkan alam sekitar
- 23 Pernyataan yang manakah betul tentang inflasi tolakan kos?
- A Institusi kewangan meningkatkan kadar faedah atas pinjaman
 - B Nilai Ringgit Malaysia rendah di pasaran antarabangsa
 - C Harga bahan mentah untuk pengeluaran semakin mahal
 - D Sumber input yang diimport mengalami kenaikan harga

24 Pasangan yang manakah betul tentang pengangguran?

	Jenis pengangguran	Keterangan
A	Kitaran	Kesan apabila firma mengurangkan pengeluaran
B	Kitaran	Bersifat sementara dalam jangka masa pendek
C	Geseran	Wujud apabila ekonomi negara mengalami kemelesetan
D	Geseran	Perubahan daripada sektor utama kepada sektor kedua

25 Pilih pasangan yang betul.

	Cukai Langsung	Cukai Tak Langsung
A	Contoh ialah cukai jualan	Contoh ialah cukai pintu
B	Dikenakan ke atas barangan	Dikenakan ke atas individu
C	Beban cukai boleh dipindahkan kepada orang lain	Beban cukai tidak boleh dipindahkan kepada orang lain
D	Dibayar terus oleh pembayar cukai kepada kerajaan	Boleh diagihkan kepada pihak lain untuk bayar kepada kerajaan

26 Pernyataan yang manakah betul berkaitan dasar fiskal mengembang?

- A Pembinaan projek pembangunan berkurang
- B Perolehan hasil cukai langsung meningkat
- C Kadar pengangguran cenderung naik
- D Kuasa beli pengguna merosot

27 Jadual 7 menunjukkan sebahagian perbelanjaan kerajaan pada tahun 2022.

Butiran	RM (Juta)
• Selenggara sekolah dan kem tentera	230
• Penyediaan bekalan elektrik luar bandar	485
• Pembinaan hospital dan peralatan baharu	1 800
• Subsidi kawalan harga barang	3 100

Sumber: Laporan Ekonomi 2021/2022

Jadual 7

Berapakah jumlah perbelanjaan mengurus kerajaan pada tahun tersebut

- A RM715 juta
- B RM2 285 juta
- C RM3 330 juta
- D RM4 900 juta

- 28 Jadual 8 menunjukkan eksport dan import Nampak Malaysia pada suatu tahun.

Butiran	Jumlah(RM juta)
Eksport kayu balak	9 948
Eksport gas asli cecair	11 300
Eksport barang perkilangan	317 937
Import barang modal	47 064
Import barang perantaraan	230 611

Jadual 8

Apakah keadaan imbalan dagangan negara tersebut?

- A Lebihan RM61 510 juta
 - B Lebihan RM339 185 juta
 - C Kurangan RM61 510 juta
 - D Kurangan RM339 185 juta
- 29 Antara yang berikut, yang manakah mendorong imbalan dagangan cenderung positif?
- I Peningkatan import produk tempatan oleh syarikat asing
 - II Firma tempatan menambah pelaburan di negara luar
 - III Kemasukan pelancong asing bertambah
 - IV Nilai ringgit rendah di pasaran global
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 30 Apakah tujuan kerajaan melaksanakan kuota?
- A Menghalang bahan mentah utama dijual terus ke luar negara
 - B Menghadkan kemasukan barangan asing ke pasaran tempatan
 - C Melarang barang siap import dari negara tertentu
 - D Meningkatkan perolehan pendapatan kerajaan
- 31 Situasi yang manakah merupakan eksport tak nampak Malaysia?
- A Cik Aina memasarkan produk kecantikan semasa melancong ke New York
 - B Encik Adam berkhidmat sebagai doktor pakar di Creast Hospital, New Zealand
 - C Petronas Carigali Sendirian Berhad membekal gas asli cecair kepada negara Jepun
 - D FAMA menghantar buah-buahan segar tempatan kepada syarikat perhotelan di Dubai

- 32 Situasi yang manakah **betul** berkaitan permintaan atau penawaran Ringgit Malaysia(RM)

	Situasi	RM
I	Rakyat Jepun ramai yang melancong ke Langkawi	Penawaran
II	Encik Ahmad dan keluarganya melancong ke Vietnam	Permintaan
III	Pasukan bola sepak JDT menggunakan khidmat jurulatih dari Jerman	Penawaran
IV	Syarikat kereta di Korea meningkatkan bekalan bahan getah dari Malaysia	Permintaan

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 33 Jadual 9 menunjukkan perubahan kadar pertukaran di antara Dolar Amerika (USD) dengan Ringgit Malaysia(RM) dari tahun 2021 kepada 2022.

Tahun	2021	2022
Kadar pertukaran	USD1=RM4.30	USD1=RM4.35

Jadual 9

Pernyataan yang manakah betul tentang perubahan kadar pertukaran tersebut?

- A Imbangan dagangan Malaysia cenderung negatif
B Permintaan import oleh Malaysia berkurang
C Harga barang buatan Amerika lebih murah
D Amerika mengurangkan penawaran dolar

Soalan 34 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 34 I Firma membuat pilihan kerana kekurangan sumber modal
II Kesan daripada pilihan akan wujud kos lepas iaitu keuntungan daripada projek pembangunan yang tidak dilaksanakan
- 35 I Hukum penawaran menyatakan apabila harga meningkat, kuantiti ditawarkan akan menurun
II Hukum penawaran digambarkan oleh keluk penawaran yang mencerun ke atas dari kanan ke kiri
- 36 I Jangka masa pendek merujuk kepada suatu tempoh masa yang singkat di mana firma dapat mengubah input tetap dan input berubah
II Dalam jangka masa pendek input tetap berubah secara langsung dengan tingkat output
- 37 I Eksternaliti positif ialah kesan baik yang dinikmati oleh masyarakat akibat daripada kegiatan pengeluaran oleh firma
II Masyarakat perlu membayar untuk menikmati faedah daripada eksternaliti positif
- 38 I Perbelanjaan mengurus merupakan belanja kerajaan untuk membiayai penyediaan infrastruktur negara
II Perbelanjaan mengurus adalah bersifat berulang-ulang setiap tahun
- 39 I Peningkatan nilai Ringgit Malaysia kesan daripada jumlah eksport melebihi jumlah import
II Peningkatan nilai Ringgit Malaysia akan menyebabkan harga barang eksport relatif mahal
- 40 I Penawaran ke atas Ringgit Malaysia berhubung secara langsung dengan permintaan terhadap barang import
II Contoh berlaku penawaran ringgit ialah Jepun meningkatkan import dari Malaysia.